

## AMALAN 5S BUDAYA KITA

Seiring dengan tekad untuk menyuburkan aktiviti kualiti di Sekolah Perubatan, Jawatankuasa Kualiti 5S SPU telah mengadakan lawatan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S ke Hospital Sipitang. Lawatan ini telah diadakan pada 11 Februari 2009. Seramai 19 orang kakitangan akademik dan sokongan yang mengikuti lawatan ini. Idea mengadakan lawatan ini telah diilhamkan oleh Dekan Sekolah Perubatan, Prof Dr Osman Ali memandangkan Hospital Sipitang telah menjuarai peringkat kebangsaan kategori hospital yang menerapkan prinsip Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Objektif utama lawatan ini adalah untuk memperoleh pengetahuan mengenai konsep, struktur, prinsip dan amalan-amalan 5S yang telah dilaksanakan oleh Hospital Sipitang sehingga menjadi Johan Peringkat Kebangsaan. Kami telah diberikan taklimat oleh Ketua Penyelaras Amalan Berkualiti 5S di Hospital Sepitang iaitu Encik Emran Abdullah.

Selepas taklimat, kami telah dibawa melawat kesemua tempat-tempat yang menjalankan aktiviti 5S di hospital tersebut. Tempat-tempat itu termasuklah di pejabat am, farmasi, wad lelaki, wad kanak-kanak, stor, tandas dan unit sajian. Kami amat kagum dengan setiap kawasan di hospital ini. Kawasan hospital ini amat bersih, selesa dan teratur. Kesemua ahli-ahli kumpulan memberikan

kerjasama yang baik. Rata-rata daripada kakitangan yang mengikuti lawatan ini amat berpuas hati dengan Amalan 5S yang diterapkan oleh hospital ini. Semoga melalui lawatan yang dijalankan dapat memberikan input-input yang baru kepada setiap kakitangan SPU agar amalan 5S menjadi budaya di sekolah kita.

